



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH  
PERAK DARUL RIDZUAN**

# **EDU 3101**

## **FALSAFAH & PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

**NORDIN TAHIR**  
**JAB. ILMU PENDIDIKAN**

# TAJUK 3

## FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM & FALSAFAH PENDIDIKAN TIMUR



Nordin Tahir, JIP

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH  
PERAK DARUL RIDZUAN**



# FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

## Falsafah Islam:

- Falsafah Islam adalah berdasarkan ajaran Islam, bersumber daripada **Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW**.
- Ibn Rushd, yang juga terkenal di Barat sebagai Averroes, ialah ahli pemikir Muslim agung dan terkenal sebagai ahli sains yang ternama, serta seorang doktor yang ulung dan Hakim Besar (Kadi Agung) di Sepanyol Muslim semasa abad ke-12.
- Beliau mempunyai pengaruh besar terhadap pemikiran Barat.
- Beliau berpendapat bahawa agama dan falsafah adalah saling bersetuju. (Raslan, 1997; Ead, 1998).



Peranan Falsafah Islam adalah untuk menerangkan **hubungan antara manusia dan Penciptanya (Allah), antara manusia dan manusia, dan antara manusia dengan alam sekitarnya** (BPG, 2002).

Menurut Ibn Rushd, manusia tidak menguasai penuh takdirnya atau tersedia ditentukan baginya. (Ead, 1998).

Untuk kefahaman yang lebih lanjut, kita perlu meneliti perihal Pendidikan Islam, matlamatnya, serta falsafahnya.

Terdapat ahli pemikir Muslim lain yang membentuk pandangan mengenai falsafah. Akses maklumat lanjut melalui laman web yang berikut:

<http://www.muslimphilosophy.com/ip/intro.htm>

<http://www.trincoll.edu/depts/phil/philo/philosophers.html>



# Pendidikan Islam

Ibn Rushd menyatakan bahawa Islam menghasratkan pengetahuan sebenar yang didefinisikan sebagai pengetahuan tentang Tuhan dan ciptaan-Nya.

Ia juga termasuk hal mengetahui cara mencapai kepuasan di dunia dan juga cara mengelakkan kesengsaraan di Akhirat (Ead, 1998).

Pendidikan Islam ialah proses yang mendidik dan melatih minda, tubuh, roh, dan emosi manusia, dan membimbing pendidik untuk membentuk pelajar berdasarkan ajaran Islam.

Hal ini tercapai berdasarkan **ilmu wahyu (Al-Quran), amal (amalan) Nabi Muhammad s.a.w. (Sunnah)** dan sahabat-sahabatnya, dan melalui pengalaman Salaf al-Salih dan tokoh-tokoh pendidikan ulung yang lain.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa Pendidikan Islam ialah usaha berterusan untuk **menyampaikan ilmu, kemahiran, dan amalan Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah.**

Ini akan menyediakan manusia dengan pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi supaya dia tahu siapa dia, peranannya, dan tanggungjawabnya sebagai hamba Tuhan serta menjadi seorang pemimpin yang baik.



## Muhammad Qutb:

**Pend.-** Satu proses utk membina manusia secara menyeluruh (jasad, intelek dan rohnya, kehidupan kebendaan dan rohaninya serta setiap aktiviti hidupnya. Ianya bersifat menyeluruh dan bersepadu, juga cenderung ke arah mewujudkan keseimbangan antara potensi fizikal , intelektual dan kerohanian manusia.



## **Amar al-Shaibani:**

**Pend. –** Persiapan utk kehidupan dunia dan akhirat. Bagi agama Islam, pendidikan menggabungkan antara akidah dgn syariaah, antara jasmani dengan rohani, antara dunia dengan akhirat.

Tidak menggalakkan seseorg memencilkan diri dlm masyarakat, mengajak manusia utk bekerja serta menganggap manusia semulia dgn kerjanya.



## **Al-Ghazali:**

**Pend.- Proses bermula sejak lahir . Selain intelek, pendidikan hendaklah merangkumi latihan jasmani dan sukan supaya dpt menguatkan tubuh badan serta menambahkan kecergasannya, juga merangkumi pemupukan budi pekerti yg mulia, sifat berani, sabar dan menghormati org lain.**





# Matlamat dan Tujuan Pendidikan Islam

Sebenarnya, matlamat Pendidikan Islam adalah untuk mengembangkan insan manusia untuk menjadi manusia yang mencintai Allah dan Pesuruh-Nya, dan berupaya untuk menyempurnakan tanggungjawabnya sebagai Khalifah dunia ini.

Orang seumpama itu ialah seorang Muslim yang mempercayai Allah, berilmu, berkelakuan dan berpekerti baik, serta yang beramal. Dia berusaha berterusan untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang perlu, menjadi hamba Allah yang bertanggungjawab serta pemimpin salih.



Sementara itu, matlamat pendidikan Islam adalah untuk mendidik pelajar untuk:

- Berkelakuan baik
  - Mencapai kesempurnaan rohnya
  - Melakukan amal baik dan mulia
  - Mengamalkan budaya yang halus; dan
  - Memelihara kebersihan, keikhlasan dan amalan baik
- (BPG, 2002)



# Falsafah Pendidikan Timur

- Falsafah Pendidikan Timur boleh dikategorikan kepada dua mazhab:
  - i) Konfusianisme & Toisme
  - ii) Nasionalisme dan Internasionalisme



# Konfusianisme

- Pengasas agung Konfusianisme ialah Konfusius, atau lebih dikenal sebagai Kung Fu 'Tze (551 – 479 SM).
- Prinsip utama pendidikan adalah pada hal pemikiran berfokus, menegakkan kebenaran, dan mempercayai kebaikan (jen).
- Menurut Konfusianisme, kepentingan pendidikan terletak pada hal mengubah tingkah laku manusia supaya menjadi warga yang memiliki kelakuan mulia, mematuhi undang-undang, setia kepada kewibawaan dan mencintai negaranya.
- Dalam perkataan lain, pendidikan ialah proses untuk memupuk kesempurnaan kelakuan etika manusia.



- Sehingga tahun 1911, ajaran Konfusianisme kuat mempengaruhi sistem pendidikan di negara China.
- Namun, Falsafah Barat mula mempengaruhi sistem pendidikan di China ketika Kuomintang mengambil alih pemerintahan kerajaan.
- Beberapa banyak idea yang diperkenalkan oleh Hushi (1891 – 1962), seorang pengikut setia John Dewey, ialah pragmatisme dan progressivisme dalam kurikulum sekolah di China.
- Kaedah induktif digunakan bagi penyelidikan bahasa. Pengintegrasian kemanusiaan dengan sains untuk mengembangkan keseluruhan potensi individu menjadi tumpuan utama.



# Taoisme

- Taoisme merupakan aliran falsafah penting di Cina selepas Konfusianisme.
- Bentuk ajarannya yang awal dinisbahkan kepada Lao Tze dan Yang Chu.
- Taoisme baru dikenal pada abad ke-1 SM. Yang pertama kali menyebut sistem ini sebagai mazhab falsafah ialah Ssu-ma Ch`ien dalam bukunya Shih Chi (Rekod Sejarah).
- Sudah tentu sebelum abad ke-1 SM Taoisme telah berkembang dan dasar-dasar pokok ajarannya telah dirumuskan oleh para pengikutnya.



- Yang diajarkan Yang Chu hanyalah semacam naturalisme mistis, yaitu persatuan manusia dengan alam.
- Namun ajaran itu tidaklah selengkap ajaran Lao Tze.
- Dalam falsafah naturalismenya Yang Chu, sebagaimana Lao Tze sebelumnya, mengajarkan perlunya hidup bersahaja dan selaras dengan alam.
- Ia menolak hedonisme material yang bermaharajalela pada zamannya.



- Sebagai sistem falsafah, Taoisme sering dianggap sebagai falsafah mistik, bahkan sebagai salah satu bentuk mistisisme tertua di dunia yang berpengaruh hingga abad ke-20.
- Ia berbeza dari Konfusianisme yang menekankan pada persoalan manusia sebagai anggota sosial, kehidupannya dalam etika dan politik.
- Taoisme menaruh perhatian besar terhadap persoalan metafisika dan persatuan mistikal antara manusia dengan alam.
- Sebagai ajaran falsafah, Taoisme dirumuskan secara mantap oleh Chuang Tze, pentafsir Tao Te Ching, kitab falsafah berbentuk puisi yang dinisbahkan kepada Lao Tze sebagai pengarangnya.





- Sebagai ajaran falsafah, Taoisme dimulai dengan skeptisisme.
- Skeptisisme ini timbul dari kekecewaan terhadap keadaan masyarakat dan situasi politik di Cina pada abad ke-5 M.
- Pada masa itu banyak sekali peperangan dan pemberontakan. Korupsi dan penyelewengan maharaja. Raja-raja, bangsawan dan panglima-panglima perang hidup penuh kemegahan dan kemewahaan di atas kesengsaraan rakyat.



- Menurut para penganut Taoisme, peradaban hedonistis dan materialistis telah merusak kehidupan manusia.
- Untuk memulihkan peradaban yang sedang sakit manusia perlu kembali kepada alam dan menyatu dengan alam.



- Taoisme merupakan sistem falsafah yang mengajarkan pesimisme.
- Namun hal ini disanggah oleh banyak ahli sejarah falsafah Cina.
- Justeru menurut mereka adalah sebaliknya, Taoisme malah mengajarkan optimisme.



- Tao bererti jalan yang dilalui seseorang dalam perjalanannya.
- Konfucius memberi erti sebagai jalan atau cara bertindak yang benar dan penuh kebajikan dalam kehidupan moral dan politik.
- Dalam pengertian ini kata-kata Tao tidak mengandungi makna metafisik. Pendapat Lao Tze berbeza, Tao memiliki pengertian metafisik.
- Lao Tze mengertikannya sebagai asas yang menyusun segala sesuatu. Ia sederhana, tanpa bentuk, tanpa gerak, tanpa hasrat, tanpa upaya. Ia ada sebelum adanya langit dan bumi. Kerana adanya penciptaan dan berkembangnya peradaban, manusia kian jauh dari jalan (Tao) yang benar dan penuh kebajikan spiritual. Oleh itu manusia semakin jauh dari kebahagiaan.



- Setelah berkembangnya ajaran Lao Tze, ia diberi erti sebagai jalan atau asas bekerjanya alam semesta dan dunia dalam putaran kehidupan.
- Dalam perjalanan atau putaran itu, nampak tanda-tanda menuju ke arah hakikat asal, dari mana segala sesuatu bergerak kembali.



- Diasaskan oleh **Lao Tze** atau dikenali sebagai guru Tua lahir pada tahun 604 S.M. Dikatakan berada dalam perut ibunya selama 82 tahun dan dilahirkan dalam keadaan sudah tua.
- Nama asalnya **Li Peh Yang, Lao Tze** merupakan gelarannya sebagai orang tua yang bijaksana. Dikatakan beliau hidup hampir dua ratus tahun kerana mengamalkan pemakanan raksa dan bahan campuran lain. Ajaran-ajarannya telah dikumpulkan di dalam sebuah kitab besar yang diberi tajuk I-Ching.



## Ajarannya:

1. Menekankan unsur-unsur primitif untuk mencapai kehidupan yang abadi. Penganut Taoisme perlu bertapa di gua-gua dan gunung-gunung untuk menghapuskan dosa.
2. Antimaterialisme iaitu penganut diajak meninggalkan hal-hal duniawi supaya memperolehi tempat yang baik pada hari akhirat.
3. Banyak menggunakan pendekatan batin untuk mewujudkan perpaduan masyarakat. Setiap manusia mempunyai satu bentuk tenaga di dalam jiwanya. Tenaga itu hanya boleh dibangkitkan melalui amalan yoga dan meditasi apabila seseorang berjaya mengosongkan fikirannya.



# Konsep Tao

- Tao melahirkan yang Satu
- Yang Satu melahirkan yang Dua
- Yang Dua melahirkan yang Tiga
- Yang Tiga melahirkan semua makhluk





- "Tao melahirkan yang Satu" bermaksud Tao ialah sesuatu yang aktif - sesuatu tindakan yang semulajadi dan bukan paksaan. Seseorang pemerintah yang bijak akan memerintah dengan cara yang menyebabkan rakyatnya tidak menyedari mereka diperintah, dan rakyat hanya mempercayai apa yang berlaku semulajadi.
- "Yang Satu melahirkan yang Dua" merujuk kepada kuasa kembar "Yin dan Yang". Yin dan Yang adalah pasangan yang bertentangan yang dapat dilihat di seluruh alam semesta seperti baik dan buruk, cahaya dan kegelapan, lelaki dan perempuan. Dalam perjuangan berterusan, Yin dan Yang menghasilkan tenaga Chī̄ i untuk mewujudkan segala-galanya. Campur tangan manusia menggangguimbangan Yin dan Yang.



- "Yang Dua melahirkan Tiga" merujuk 3 serangkai Syurga, Bumi dan Perikemanusiaan.
- "Yang Tiga melahirkan segala makhluk" menggambarkan segala makhluk wujud pada akhir perkembangan kosmos.



# Prinsip Asas Wu-wei

- seseorang itu patut **mengharmonikan diri sendiri dengan prinsip-prinsip utama yang berfungsi dalam alam semesta dan tidak harus menentangnya.**
- Semua usaha untuk mencapai sesuatu di luar kemampuan kita adalah tidak betul. Aksi dan perbuatan haruslah spontan.
- Perkara yang dicadangkan ialah kita tidak patut melakukan sesuatu yang tidak semula jadi dan tidak spontan.
- Kita tidak harus berusaha untuk melakukan sesuatu atau apa sahaja yang dilakukan perlu dibuat secara spontan dan tanpa sebarang usaha.
- Perbuatan yang dilakukan haruslah dibuat tanpa usaha yang keras.



# Nasionalisme dan Internasionalisme

- Rabindranath Tagore (1861 – 1941), ahli falsafah dan penyair terkenal dari India, mentafsirkan pendidikan sebagai proses yang bermatlamat untuk menghasilkan individu dengan penaakulan sempurna yang berupaya mencapai semua aspek, termasuk fizikal, intelek, moral dan rohani serta yang ada hubung kait dengan pengalaman hidup amali.
- Pendidikan nasionalisme harus bermatlamat untuk menyemai ideal dan tradisi sesebuah negara. Selain itu, pendidikan harus berdasarkan pengetahuan sejarah, geografi, kesusasteraan, situasi sebenar dan tuntutan negara pada masa itu yang termasuk masalah nasional, pencapaian, kegagalan dan kejayaan.



- Pendidikan internasionalisme harus cuba memupuk hubungan baik, persaudaraan, harmoni, dan keamanan antara negara di dunia.
- Justeru pendidikan harus berdasarkan pengetahuan sebenar dan harus ada hubungan langsung dengan budaya dan tradisi rakyat negara lain.

